



**DALAM MAHKAMAH SESYEN DI SHAH ALAM  
DALAM NEGERI SELANGOR, MALAYSIA  
SAMAN SIVIL NO.: B53F-7-03/2016**

5

**ANTARA**

1. LIM YUN MIN
2. CHONG YOON THAI
- 10 3. LEE CHEE WEI
4. LIM SWEE CHING
5. LIM SWEE MAY
6. LIM SWEE YEE
7. LIM SWEE SAN
- 15 8. LIM CHEE FUI

**... PLAINTIF-PLAINTIF**

**DAN**

1. NG HAN SENG
  2. LO YOK MOI
- ... DEFENDAN-DEFENDAN**

20

**ALASAN PENGHAKIMAN**

Ini adalah rayuan daripada defendan-defendan terhadap keputusan  
25 Mahkamah ini yang menolak dua permohonan mereka di bawah A.18  
k.19 (1)(b), (c) dan/atau (d) di L.6 dan A.18 k.19 (1)(a) di L.7.

- Afidavit Sokongan Defendan – L. 8**  
**Afidavit Jawapan Plaintiff – L. 10**  
30 **Afidavit Balasan Defendan – L. 12**  
**Afidavit Jawapan Plaintiff – L. 14**

### Ringkasan fakta kes

Defendan Pertama adalah bekas pekerja kepada Plaintiff ke-8 manakala Defendan kedua adalah isteri Defendan Pertama. Plaintiff-plaintif telah mengambil tindakan terhadap defendan-defendan yang dikatakan telah memfitnah mereka di dalam facebook dimana pernyataan-pernyataan fitnah adalah seperti berikut:

40 *"Orang celaka ini, hutang gaji dan hutang EPF, hanya akan menyusahkan ahli keluarga, ahli keluarga merupakan anjing gila, suka membalak sesuka hati dan suka mengadu, dan mengatakan saya memburukkan nama baik anak lelaki mereka. Anak lelaki sendiri ada apa lagi baik, semua orang yang bekerja sesama bidangnya semua pun tahu."*

45 *"Bos yang tidak berhati perut!! Hutang gaji pekerja dan EPF, hanya melengahkan!!!! Tidak pernah berbincang nak bagaimana memulangkan duit, dan ahli keluarganya mengatakan bahawa kami memburukkan nama baik anak lelakinya. Anak lelakinya masih ada apa nama baik lagi, orang bekerja dalam bidang yang sama semua pun tahu! Sila fahamkan situasi*  
50 *baru cakap!!*

*Sila menyebarkan perkara ini kepada semua saudara-mara dan kawan, supaya tidak semua orang menjadi mangsa, terima kasih."*

55 Defendan-defendan memfailkan permohonan di L.6 dan L.7 untuk membatalkan tindakan plaintiff-plaintif kerana mendakwa plaintiff-plaintif telah gagal memasukkan fakta material berkenaan penerbitan pernyataan fitnah tersebut iaitu:

60 (i) gagal menyatakan alamat laman facebook dimana pernyataan diterbitkan;

- (ii) gagal menyatakan masa yang tepat berkenaan pernyataan yang diterbitkan; dan
- 65 (iii) gagal mengenalpasti nama pihak-pihak yang mana defendan-defendan didakwa telah menerbitkan pernyataan fitnah dan gagal memberikan butir-butir mengenai pihak-pihak yang membaca pernyataan tersebut.

Defendan-defendan juga menyatakan plaintif-plaintif gagal  
70 memplidkan perkataan fitnah dalam bahasa asal iaitu Bahasa Cina – perenggan 5 Afidavit Jawapan (L.12).

Plaintif-plaintif melalui Afidavit-Afidavit Jawapan di L.10 dan L.14 menyatakan bahawa defendan-defendan tidak pernah menafikan  
75 penerbitan yang dibuat dalam akaun facebook mereka (exh. “LSS-1”) malah meminta semua orang menyebarkan pernyataan tersebut.

Defendan-defendan telah memaparkan gambar plaintif-plaintif dan mengedarkan terbitan tersebut di seluruh kampung plaintif-plaintif –  
80 gambar-gambar dan terbitan di exh. “LSS-2”.

### **Alasan Menolak Permohonan Defendan**

1. Berdasarkan afidavit-afidavit serta dokumen-dokumen yang dieksibitkan, Mahkamah berpendapat plaintif-plaintif mempunyai  
85 asas dalam tuntutan mereka terhadap defendan-defendan.
2. Apabila penerbitan yang didakwa fitnah telah diterbitkan di dalam facebook defendan-defendan maka Mahkamah berpendapat wujud satu kausa tindakan yang munasabah terhadap mereka.  
90 Ia bukan sekadar dakwaan kosong kerana penerbitan dalam

facebook telah ditunjukkan di dalam eksibit-eksibit yang dikemukakan. Oleh itu Mahkamah berpendapat kes ini tidak sesuai untuk dibatalkan *summarily* tetapi perlu dibicarakan atas merit bagi mengesahkan dakwaan plaintiff-plaintif.

95

3. Untuk isu bahawa bahasa asal iaitu Bahasa Cina tidak diplidkan, Mahkamah merujuk otoriti *Elvin Toh Chen Vin (M) v. Sin Chew Media Corporation Berhad & Anor [2008] 1 LNS 406 (HC)* dimana David Wong Dak Wah J. menyatakan berikut:

100

*The Defendants have taken out an application to have certain questions determined under O. 14A, or alternatively to have the **Writ and Statement of Claim struck out under O. 18 r. 19 Rules of the High Court, 1980.** The questions of law are as set out by learned counsel for the Defendants as follows:-*

105

**1. Whether the actual words complained of or alleged to be defamatory and published by the Plaintiff in paragraphs 3 to 11 of the Statement of Claim, must be pleaded or set out in the original language (ie, in Mandarin) in the Statement of Claim;**

110

.....

*I cannot think of any other way how the Plaintiff could have set out the original words in the Chinese language in the Statement of Claim.*

115

*Accordingly I find that the Defendant's application to strike out the Plaintiff's Statement of Claim on the just mentioned ground to be without merit.*

120

.....

*The principle as to when the Court will strike out pleadings is well established. Suffice for me to say that the Court will only exercise*

125 *that power only in plain and obvious case. In my view, Mr. Mohd. Ivan has shown that this is not a plain and obvious case. Not only that, I am of the view that even if I strike out paragraphs 3 - 9 of the Statement of Claim, this Court will still need to have a full trial to dispose of this case. And if the Plaintiff appeals to the Court of Appeal against that decision, this case will no doubt be delayed. It would be more economical for the Court and the parties involved*  
130 *to deal with the whole case in one installment and that is what I intend to do. Furthermore no prejudice is caused to the Defendant as it will be able to raise the same argument in the trial as I have not yet made any decision as to the issues raised."*

135 4. Berdasarkan otoriti di atas maka Mahkamah berpendapat kegagalan plaintiff-plaintiff untuk memplidkan pernyataan fitnah dalam bahasa asal tidak menjejaskan pliding mereka.

140 5. Namun Mahkamah berpendapat pliding plaintiff tidak lengkap kerana tidak menyatakan alamat laman web facebook defendan-defendan. Juga, identiti pihak-pihak yang telah membaca pernyataan fitnah tidak diplidkan. Bagi isu-isu ini, Mahkamah telah menggunakan budi bicara di bawah peruntukkan A.18 k.19(1) KKM 2012 untuk membenarkan pliding plaintiff-plaintiff dipinda. Peruntukkan A.18 k.19(1) menyatakan seperti berikut:  
145

150 *"(1) The Court may at any stage of the proceedings order to be struck out or amended any pleading or the endorsement, of any writ in the action, or anything in any pleading or in the endorsement"*

6. Mahkamah juga telah merujuk kepada *Malaysian Rules of Court 2012: An Annotation by Lexis Nexis* di m/s 365 perenggan

18/19/11 yang membenarkan pliding dipinda bagi membolehkan  
155 tindakan plaintif didengar atas merit. Perenggan 18/19/11  
menyatakan berikut:

***“Whether defective pleadings to be amended or struck off***

160 ***A court which is moved to strike out a pleading has a separate  
and independent jurisdiction to direct an amendment to save the  
pleading in lieu of it being struck out. However, the power may  
be exercised if the pleading is capable of being saved by an  
amendment: see AIC DotCom Sdn Bhd (suing in capacity of  
165 representative for MTEX Corp Sdn Bhd) v MTEX Corp Sdn Bhd  
[2011] 3 MLJ 476, CA. As to the circumstances in which a  
statement of claim should be amended rather than struck out:  
see Muniandy s/o Subrayan v Chairman & Board Members of  
Koperasi Menara Maju Bhd [1997] 1 MLJ 557, CA.***

170 ***Where the pleadings are defective and the opposing party seeks  
to strike out these pleadings, the court ought not to act  
summarily if an amendment can correct the defect: Lim Weow @  
Lim Neu v Perwira Habib Bank Malaysia Bhd [2000] MLJU 425,  
175 [2001] 2 AMR 1307 (following the decision in Kuala Lumpur Finance  
Bhd v KGV & Associates Sdn Bhd [1995] 1 MLJ 504). See also Bank  
of China v Ngan Ching Wen [2005] 7 MLJ 28.”***


7. Berdasarkan alasan-alasan di atas, Mahkamah berpendapat  
180 pliding plaintif boleh diselamatkan melalui pindaan setelah  
mendapati ia bukan suatu kes yang ringkas (*plain and obvious*)  
untuk dibatalkan. Dengan itu Mahkamah telah menolak  
permohonan defendan-defendan di L. 6 dan L. 7 dan seterusnya  
membenarkan plaintif-plaintif untuk meminda pliding mereka.  
185 Defendan dengan itu juga diberikan kebenaran untuk meminda

Pernyataan Pembelaan mereka susulan daripada pindaan pliding yang akan difailkan oleh plaintif. Seterusnya Mahkamah memerintahkan kos RM1,000.00 dibayar oleh plaintif kepada defendan bagi setiap permohonan yang difailkan.

190

Bertarikh: 8hb. Ogos, 2016.

195



**(NIK NASIMAH BT. NIK MOHAMMAD)**

Hakim

Mahkamah Sesyen 5

200

Shah Alam

